



SENATOR DATUK SERI DR. SALLEH SAID KERUAK
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
MINISTER OF COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA MALAYSIA

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998
ARAHAN MENTERI MENGENAI PENGGUNAAN SPEKTRUM
DI DALAM JALUR FREKUENSI 703MHz HINGGA 743MHz
BERPASANGAN DENGAN 758MHz HINGGA 798MHz
ARAHAN MENTERI NO. 19 TAHUN 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*] ("*Akta*"), Menteri dengan ini mengeluarkan arahan yang berikut kepada Suruhanjaya:

Pemakaian dan tarikh kuat kuasa

1. Arahan ini bolehlah disebut sebagai **Arahan Menteri Mengenai Penggunaan Spektrum Di Dalam Jalur Frekuensi 703MHz Hingga 743MHz Berpasangan Dengan 758MHz Hingga 798MHz, Arahan No. 19 Tahun 2017** dan mula berkuat kuasa pada tarikh pendaftaran Arahan ini.

Tafsiran

2. Dalam Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, apa-apa terma hendaklah ditafsirkan mengikut dan tertakluk kepada Akta atau perundangan subsidiari yang relevan di bawahnya.

Penyelarasan Jalur Frekuensi 703MHz Hingga 743MHz Berpasangan Dengan 758MHz Hingga 798MHz untuk Perkhidmatan Bergerak Jalur Lebar

3. Untuk menggalakkan penggunaan spektrum yang lebih efisien dengan teknologi baru serta mempertingkatkan lagi persaingan dalam pemberian perkhidmatan bergerak jalur lebar, Suruhanjaya diarahkan untuk menyusun semula penggunaan jalur frekuensi 703MHz hingga 743MHz berpasangan dengan 758MHz hingga 798MHz.

4. Suruhanjaya hendaklah mengambil langkah-langkah segera di bawah peruntukan Akta dan perundangan subsidiari yang relevan dibawahnya untuk menyelaraskan penguntukan di jalur frekuensi 703MHz hingga 743MHz berpasangan dengan 758MHz hingga 798MHz.

Spektrum Untuk Perkhidmatan Jalur Lebar

5. Salah satu matlamat dasar kebangsaan dalam Akta ialah menjadikan Malaysia sebagai pusat dan tumpuan utama dunia bagi perkhidmatan komunikasi dan perkhidmatan maklumat dan kandungan multimedia.

6. Dalam usaha untuk mencapai matlamat tersebut, pihak Kerajaan telah mengambil kira antara lain, perkara-perkara berikut dalam pengagihan spektrum di bawah inisiatif penyusunan semula spektrum untuk perkhidmatan bergerak jalur lebar:

- (a) Meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar kepada rakyat selaras dengan matlamat Rancangan Malaysia ke 11 dan seterusnya;
- (b) Menggalakkan penggunaan spektrum secara lebih efisien untuk meningkatkan kapasiti rangkaian dan kualiti perkhidmatan bergerak sedia ada;
- (c) Menyokong penyedia perkhidmatan bergerak jalur lebar *International Mobile Telecommunications (IMT)* sedia ada untuk terus melabur dan memainkan peranan penting dalam memacu perkembangan industri komunikasi dan multimedia; dan
- (d) Menawarkan perkhidmatan bergerak jalur lebar pada harga yang lebih rendah berbanding dengan harga sedia ada serta berpandukan garis panduan yang akan dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

7. Tertakluk kepada peruntukan dalam Akta dan perundangan subsidiari yang relevan di bawahnya, Suruhanjaya diarahkan selanjutnya untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

- (a) Mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk menyediakan jalur frekuensi 703MHz hingga 743MHz berpasangan dengan 758MHz hingga 798MHz untuk digunakan bagi tujuan pemberian perkhidmatan bergerak jalur lebar secepat mungkin;


- (b) Melaksanakan penguntukan di dalam jalur frekuensi 703MHz hingga 743MHz berpasangan dengan 758MHz hingga 798MHz melalui proses tender ("*beauty contest*") menurut peruntukan di bawah Akta dan perundangan subsidiari yang relevan di bawahnya;
- (c) Penguntukan spektrum di dalam jalur frekuensi 703MHz hingga 743MHz berpasangan dengan 758MHz hingga 798MHz hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat serta keperluan tambahan yang akan ditetapkan oleh Suruhanjaya; dan
- (d) Mengambil apa-apa langkah dan tindakan lain supaya Arahan ini dilaksanakan dengan sempurna.

08 SEP 2017

Tarikh:

~~08 SEP 2017~~

[KKMM.600-1/6/2 Jld.2 (19)]



DATUK SERI DR. SALLEH SAID KERUAK
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia